

# Sembilan pelajar SMKA Tun Datu Mustapha kunjungi UMSKAL

UB 15 - 7 - 16 A2

LABUAN: Seramai sembilan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Datu Mustapha, Kinabatangan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Rabu lalu.

Mereka yang terdiri daripada tujuh pelajar perempuan dan dua lelaki

dari Tingkatan Empat dan Lima itu merupakan pelajar cemerlang dalam peperiksaan PT3 tahun sebelumnya.

Rombongan sekolah agama itu diketuai Guru Bimbingan dan Kaunseling Azian Abd Samad bersama guru pengiring Solehah Md Noh.

Menurut Azian, lawatan anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling itu bertujuan

memberi pendedahan kepada pelajar cemerlang itu.

Selain itu, katanya, lawatan sambil belajar itu juga mahu meninjau peluang melanjutkan pelajaran ke menara gading khususnya di UMSKAL.

"Kami ingin melihat secara khusus program yang ditawarkan di UMSKAL supaya pelajar kami dapat meneroka lebih banyak



**NORAINI (dua kanan)** menerima cenderamata daripada Azian diperhatikan Solehah (kiri).

peluang di peringkat lebih tinggi," katanya.

Taklimat mengenai pentadbiran UMSKAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Noraini Samsu yang mewakili Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Mohamad Tuah di Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 13.

Noraini turut menyentuh

mengenai program yang ditawarkan di FKAL dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Pelajar turut melawat ruang cerapan anak bulan di Tingkat 13, Bangunan Menara UMSKAL serta menikmati pemandangan menarik Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain UMSKAL, rombongan sekolah agama

itu turut melawat Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan beberapa tempat bersejarah serta menarik di pulau bebas cukai ini.

Azian berharap lawatan sambil belajar itu akan memberi lebih pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar terabit untuk meneruskan kecermerlangan dalam peperiksaan SPM tahun ini.



GURU dan pelajar SMA Tun Datu Mustapha bergambar kenangan di Tingkat 13, Bangunan Menara UMS Labuan.